

PATI dari Indonesia dipenjara lima bulan, dua sebatan

MIRI: Seorang pendatang asing tanpa izin (PATI) dari Indonesia dijatuhi hukuman penjara lima bulan dan dua sebatan oleh Mahkamah Sesyen kerana kesalahan memasuki negara ini tanpa kebenaran yang sah.

H u k u m a n i t u dijatuahkan Hakim Afidah Abdul Rahman setelah menimbang beberapa aspek termasuk pengakuan bersalah dan rayuan

tertuduh, keterangan fakta kes, berat kesalahan yang dilakukannya serta mengambil kira kepentingan awam.

Thomas Otomosi Zisachena Sihura, 23, dari Sumatera Utara, Indonesia telah didakwa mengikut Seksyen 6 (1) Akta Imigresen 1959/63 dan dihukum dibawah Seksyen 6 (3) akta yang sama.

Mengikut kesalahan ini,

tertuduh boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali serta boleh disebat sehingga enam kali, jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh telah ditahan pada jam 10 malam, 29 Jun lalu di hadapan sebuah pusat hiburan di Jalan Pada di sini oleh sepasukan polis untuk pemeriksaan kerana

disyaki merupakan warga asing.

Ketika disoal siasat awal polis, tertuduh yang berasal dari Indonesia telah gagal mengemukakan dokumen perjalanan yang sah untuk memasuki dan tinggal di negara ini.

Berikutan itu, tertuduh telah ditangkap untuk tindakan lanjut.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam bela

merayu hukuman ringan memandangkan ini adalah kesalahan pertamanya.

Mahkamah kemudian memerintahkan tertuduh dirujuk ke Jabatan Imigresen untuk tujuan pengusiran selepas selesai menjalani hukuman penjara kelak.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Asymawi Ghazali.